
Sorotan Penting

Perkembangan dan Prospek Ekonomi

Pemulihan KDNK Malaysia lebih kukuh pada tahun 2022

Pertumbuhan KDNK benar (Perubahan tahunan, %)



a Awalan
r Ramalan

Pemacu utama pertumbuhan pada tahunan 2022 (Perubahan tahunan, %)

Permintaan

+9.0% Penggunaan Swasta

+5.3% Pelaburan Swasta

Penawaran

+6.9% Perkhidmatan

+5.2% Perkilangan

...disokong oleh faktor luaran dan domestik dalam keadaan persekitaran yang mencabar

Penyumbang utama kepada pertumbuhan


- Pengembangan berterusan dalam permintaan luaran yang disokong oleh kitaran teknologi menaik
- Penamatan langkah pembendungan & pembukaan semula sempadan antarabangsa berikutan kadar pemberian vaksin yang tinggi
- Peningkatan prospek pekerjaan dan pendapatan
- Akses berterusan terhadap langkah-langkah dasar yang bersasar

Cabaran Utama

- **Perkembangan pandemik COVID-19**
  Kemunculan varian kebal vaksin menyebabkan penularan semula
- **Konflik geopolitik yang berterusan**
  Kejutan harga komoditi dan gangguan kepada rantaian bekalan dan perdagangan
- **Tekanan kos dan harga yang meningkat**
  Kebimbangan terhadap kos sara hidup dan keberuntungan menjejaskan sentimen isi rumah dan perniagaan


Inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 2.2% hingga 3.2% pada tahun 2022 dalam keadaan inflasi teras yang lebih tinggi

Inflasi Keseluruhan
(Perubahan tahunan, %)



r Ramalan

Inflasi Teras[1]
(Perubahan tahunan, %)




r Ramalan

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Anatomi Inflasi: Kesan daripada Pandemik yang Berpanjangan

Walaupun inflasi IHP yang lebih tinggi adalah lazim di seluruh dunia, faktor khusus negara telah sebahagiannya membendung tekanan inflasi di Malaysia pada masa ini

Inflasi IHP kumulatif (Dis 19 hingga Dis 21; % Tahunan)



Faktor yang boleh membendung tekanan inflasi untuk Malaysia:


1. **Kapasiti lebihan yang berterusan dalam ekonomi** berikutan pemulihan yang beransur-ansur
2. **Langkah dasar** seperti penguatkuasaan harga siling (*price ceiling*)
3. **Gangguan yang secara relatif kurang teruk,** mencerminkan faktor seperti kedudukan yang dekat dengan hab perkilangan global

Sumber: Pihak berkuasa negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Prospek Pemulihan Ekonomi Global: Iktibar dari Perspektif Kedudukan Kewangan Korporat

Hutang korporat telah meningkat dengan keperluan pembiayaan yang lebih tinggi semasa pandemik

Hutang korporat
Bahagian daripada KDNK (%)



Sangat penting untuk mengimbangi antara matlamat ekonomi jangka pendek dengan jangka panjang

Sokongan Dasar yang Tepat Pada Masanya, Secara Langsung dan Berkadar
Tahap sokongan dasar yang besar telah mengurangkan kemelesetan tetapi memerlukan penyesuaian semula apabila keadaan permintaan bertambah baik.

Pembaharuan Struktur untuk Meningkatkan Daya Tahan Ekonomi
Fleksibiliti pasaran buruh dan undang-undang insolvensi yang lebih kukuh boleh mempercepat peruntukan semula sumber dan meningkatkan produktiviti.

Bank-bank yang Mempunyai Permodalan yang Kukuh untuk Memastikan Kestabilan Makroekonomi dan Kewangan
Kedudukan kewangan bank-bank yang kukuh menyekat pemberian pinjaman yang berterusan kepada syarikat-syarikat zombie.

Sumber: Pangkalan Data Kredit Bank for International Settlements (BIS)